

**Persatuan Mukabuku Pulau Pinang Desak Wakil Rakyat Pas Bentang Usul Hudud Bernama  
01 November, 2012**

GEORGE TOWN, 1 Nov (Bernama) -- Persatuan Mukabuku Pulau Pinang mendesak wakil rakyat Pas Datuk Mohd Salleh Man membentangkan usul pelaksanaan hukum hudud pada persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) yang bermula Khamis.

Pengerusinya Salleh Ismail berkata pihaknya juga mahu Mohd Salleh yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) berjuang untuk memastikan usul hukum hudud diluluskan pada persidangan berkenaan.

"Hari ini kita menghantar memorandum kepada beliau (Mohd Salleh) supaya usul hudud ini dikemukakan pada persidangan kali ini dan berharap ia diluluskan serta dilaksanakan dengan segera di Pulau Pinang.

"Kita nak tengok sama ada wakil-wakil rakyat DAP dalam DUN betul-betul ikhlas berjuang bersama Pas," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum berkenaan di luar DUN Pulau Pinang.

Memorandum itu diterima sendiri Mohd Salleh yang juga ADUN Permatang Pasir selepas kira-kira 30 minit Salleh dan beberapa anggota Persatuan Mukabuku menunggunya di luar pagar.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=706226>